

07 SEP 1996

Mahathir - Universiti

UNIVERSITI HARUS KAIT RAPAT DENGAN MASYARAKAT, KATA PM

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata universiti harus mempunyai kaitan yang rapat dengan masyarakat dan menjadi sebahagian daripada alat untuk memajukan masyarakat.

Katanya, universiti tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat dan tidak boleh menjadi menara gading.

Corak universiti kini berbeza dan mesti relevan kepada masyarakat sekeliling, katanya ketika melancarkan "University Industry Technology Advancement Programme" (UNITAP) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai hari ini.

Dr Mahathir berkata apa yang dilakukan oleh universiti sekarang mestilah membawa keuntungan dan kebaikan kepada masyarakat dan tidak boleh lagi ada pengasingan seperti dulu.

Pelajaran yang diperolehi di universiti hendaklah digunakan bukan sahaja di universiti tetapi juga dalam masyarakat, kata beliau, sambil menambah oleh kerana Malaysia sedang membangun pesat dalam bidang industri, tumpuan diberikan terhadap bidang berkenaan dan industri yang berkaitan.

"Kita di Malaysia tidak mempunyai banyak masa dan tenaga dan sebab itu kita mesti tumpukan kepada apa yang boleh digunakan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebab itu kerajaan memberi keutamaan kepada bidang-bidang ilmu yang mempunyai kaitan rapat dengan industri dan beliau yakin ahli akademik akan menerima bahawa mereka juga mesti relevan kepada masyarakat dan tidak boleh lagi ada pengasingan seperti dulu.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah mewujudkan beberapa buah universiti tetapi timbul pula masalah kemampuan mengadakan tenaga pekerja yang cukup.

"Kita boleh bina universiti yang cantik... malah universiti kita lebih cantik daripada universiti di negara yang sedang membangun. Yang pentingnya bukan bangunan tetapi tenaga pengajar," tambahnya.

Menurutnya, tenaga pengajar tidak mudah diperolehi dan sebab itu kerajaan menghadapi masalah untuk menubuhkan lebih banyak universiti agar rakyat negara ini mendapat ilmu sesuai dengan konsep industrialisasi negara.

Dalam keadaan ekonomi yang begitu maju, sektor swasta sanggup membayar gaji lebih daripada gaji yang dibayar oleh kerajaan dan kadang-kala empat kali ganda lebih tinggi, kata beliau.

"Zaman sudah berubah kerana gaji swasta lebih tinggi. Dalam keadaan ini, kita melihat pengaliran tenaga pengajar daripada universiti kepada sektor swasta dan ini menjadi masalah kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana bilangan tenaga pengajar tidak begitu banyak, kerajaan terpaksa mengubah pendekatan dan memilih untuk menswastakan universiti kerana jika tidak, universiti tidak akan mempunyai tenaga pengajar.

Banyak juga pihak yang berasa tidak puas hati tetapi tujuan kerajaan ialah ahli akademik mendapat gaji yang berpatutan, kata beliau.

"Dalam bidang-bidang tertentu tenaga pengajar dihargai oleh sektor swasta dan kita perlu menyesuaikan universiti dengan zaman dan perkembangan ekonomi sekarang."

"Senario di Malaysia sudah berubah dan rakyat perlu faham masalah ini. Kita tidak boleh balik ke zaman dulu yang mungkin tenang dan mudah berbanding zaman sekarang yang lebih kompleks," katanya.

Beliau berharap ahli akademik akan menerima hakikat itu oleh kerana permintaan untuk mendapatkan pendidikan di negara ini banyak serta memerlukan tenaga terlatih dan kerajaan tidak boleh menambah jumlah universiti kecuali membenarkan penubuhan institusi swasta.

UNITAP ialah program untuk mengeratkan perhubungan antara industri dan UTM bagi menentukan kecemerlangan teknologi terus berkembang dan dikecapi rakyat.

Melalui UNITAP, pihak akademik dan industri akan sama-sama bersatu untuk menjadi lebih cemerlang dalam bidang seperti penyelidikan dan pembangunan serta pemindahan teknologi. -- BERNAMA

MKO AH OBA